

Tingkat pengetahuan, kemahiran guru dengan perisian terkini

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Januari. - Seramai 16 orang guru mata pelajaran Design and Technology dari lapan buah sekolah menengah dan maktab kerajaan dan Pusat Tingkatan Enam Sengkurong menamatkan aktiviti perkembangan profesional di D'Sunlit Sdn. Bhd. bagi bulan Januari 2021.

Aktiviti yang diadakan itu dianjurkan bersama oleh Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan dan D'Sunlit Sdn. Bhd.

Aktiviti bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dalam menggunakan perisian terkini yang digunakan dalam industri reka bentuk dan untuk mendedahkan para guru mengenai proses reka bentuk serta memperkenalkan mesin terkini yang digunakan dalam industri reka bentuk dan pembuatan.

Semasa sesi berkenaan, para guru diajar langkah demi langkah penggunaan perisian SketchUp, diikuti dengan sesi di bahagian produksi.

Mereka juga ditunjukkan demonstrasi oleh kakitangan D'Sunlit Sdn. Bhd. mengenai penggunaan mesin dan hasil produk.



SESI bergambar ramai para guru mata pelajaran Design and Technology yang berjaya menamatkan aktiviti perkembangan profesional di D'Sunlit Sdn. Bhd.

Para guru juga berpeluang melakukan sesi praktikal di bahagian produksi.

Pada akhir sesi latihan, para guru menerima plak penyertaan yang disampaikan oleh Pengarah Urusan D'Sunlit Sdn. Bhd., Jackson Ting.

Sebagai tanda penghargaan,

Pegawai Pelajaran Kanan dari JSS, Kementerian Pendidikan, Awang Andree Asmara bin Haji Abidin menyampaikan sijil penghargaan dan cenderahati kepada Jackson Ting juga sijil penghargaan dan cenderahati dari JSS, Kementerian Pendidikan kepada Pemudahcara dari D'Sunlit Sdn. Bhd.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-Sekolah

Aktiviti pembangunan daripada guru mata pelajaran profesional yang serupa akan Design and Technology dari 12 diatur lagi pada bulan April 2021 buah sekolah menengah kerajaan untuk Kumpulan Dua yang terdiri yang lain.

Dalami kepentingan Halalan Thayyiban



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban menawarkan Kursus Halal Eksekutif yang disertai oleh para pegawai dan kakitangan kementerian kerajaan juga bukan kerajaan, pengusaha dan pengedar produk makanan tempatan, ahli akademik juga orang-orang persendirian.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, baru-baru ini, menawarkan Kursus Halal Eksekutif.

Kursus Halal Eksekutif selama sehari tersebut, bermula 8.00 pagi hingga 4.30 petang, bertempat di Bilik Latihan L1.3, UNISSA.

Tenaga pengajar bagi kursus tersebut, Pengarah Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, UNISSA, Profesor Madya Dr. Nurdeng Deuraseh.

Seramai 36 peserta, terdiri daripada pegawai dan kakitangan kementerian kerajaan juga bukan kerajaan, pengusaha dan pengedar produk makanan tempatan, ahli akademik juga orang-orang persendirian menyertai kursus ini.

Tujuan kursus ini dijalankan

adalah untuk memberikan pengenalan secara terperinci mengenai halal dan haram, membantu para pengusaha makanan halal juga orang awam untuk mendalami tentang kepentingan falsafah Halalan Thayyiban untuk difahami serta dipraktik sebagai cara hidup dan untuk memberikan pendedahan mengenai peraturan undang-undang yang berkaitan dengan industri halal di Negara Brunei Darussalam.

Kursus tersebut diakhiri dengan Majlis Penyampaian Sijil, disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Nurdeng Deuraseh, seterusnya sesi bergambar ramai bersama para peserta.



DARI MAHKAMAH Pas Lawatan mansuh 2,899 hari : Dipenjara 12 bulan

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Januari. - Sepasang suami isteri, warganegara Indonesia, masing-masing dijatuhi hukuman 12 bulan penjara setelah Pas Lawatan mansuh.

Hukuman yang berkuat kuasa, mulai 21 Januari 2021 ke atas mereka berdua diputuskan oleh Majistret Mohammad Marzuqi bin Sabtu, di Mahkamah Majistret.

Fahrega, berumur 50 tahun, dengan bilangan pasport S 908759; dan Rahmi Yuliandari Abdul Ghofur, 42 tahun, dengan bilangan pasport T 091652, masing-masing didakwa, di bawah Bab 15(1) Akta Imigresen Penggal 17 kerana tinggal di negara ini setelah Pas Lawatan mansuh selama 2,899 hari.

Kedua-dua mereka ditangkap dalam Operasi Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), iaitu OPS LANGIS JIPK 14/2021, pada 21 Januari 2021, iaitu semasa pemeriksaan, di sebuah rumah sewa, Jalan Paya Bunga Merah, Sengkurong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.